

Insurans hayat

Pengenalan

Ini merupakan panduan sebagai pengenalan untuk membantu anda memahami insurans hayat. Ia memberikan maklumat asas supaya anda boleh membuat keputusan yang betul apabila membeli polisi insurans hayat.

Apakah insurans hayat?

Dalam insurans hayat, sebilangan besar orang (dipanggil pemegang polisi) membayar sejumlah wang (premium) ke dalam suatu dana yang diurus oleh syarikat insurans. Apabila seseorang di dalam kumpulan itu ditimpa kesusahan, dia akan diberi sejumlah wang daripada dana tersebut untuk membantu meringankan kesusahannya.

Bagaimanakah saya membeli polisi insurans hayat?

Anda boleh memilih untuk membeli polisi insurans hayat daripada institusi kewangan seperti bank yang mempunyai urusan bankasurans dengan syarikat insurans, melalui broker insurans atau ejen insurans hayat.

Sekiranya anda membuat keputusan untuk membeli polisi insurans melalui ejen, sebelum berurusan dengan ejen, anda hendaklah berpuas hati dengan reputasi dan kelayakan ejen tersebut.

Semua ejen yang menjual insurans hayat adalah berdaftar dengan **Persatuan Insurans Hayat Malaysia [Life Insurance Association of Malaysia (LIAM)]**, dan dimestikan lulus peperiksaan yang dikendalikan oleh Institut Insurans Malaysia. Apabila berurusan dengan ejen, pastikan anda meminta untuk melihat kad kuasa beliau yang dikeluarkan oleh LIAM .

Kontrak polisi

Apabila anda membeli polisi insurans hayat, wujud kontrak di antara anda dengan syarikat insurans. Anda bersetuju untuk membayar premium bagi tempoh tertentu dan, sebagai balasan, syarikat insurans akan membayar kepada penama atau estet anda sejumlah wang berikutan kematian anda.

Sekiranya anda mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal atau apa-apa situasi yang ditetapkan, bayaran akan dibuat kepada anda. Dalam kes hilang upaya menyeluruh dan kekal, wang itu biasanya dibayar secara ansuran.

Anda mestilah sentiasa membaca cetakan halus di dalam kontrak dan memahami had-had atau klausa pengecualiannya.

Mengapakah saya perlu membeli insurans hayat?

Anda mungkin ingin membeli polisi insurans hayat atas sebab-sebab berikut:

- Memastikan agar keluarga terdekat anda mempunyai wang tunai dan pendapatan selepas kematian anda agar mudah bagi mereka untuk membayar bil, cukai dan obligasi-obligasi lain.
- Supaya keluarga terdekat anda dapat terus mengekalkan taraf hidup mereka selepas kematian anda.
- Agar anak anda mempunyai wang untuk pendidikannya.

- Supaya anda mempunyai pelan tabungan untuk masa hadapan agar apabila bersara, anda akan mempunyai punca pendapatan berterusan.
- Agar anda mempunyai pendapatan sampingan apabila pendapatan anda berkurangan berikutan penyakit yang serius atau kemalangan.

Walau apapun sebabnya, anda perlu berhati-hati apabila memilih polisi agar bersesuaian dengan keperluan anda. Ambillah masa untuk berbincang dengan syarikat insurans atau pengantarnya tentang polisi yang ingin anda beli.

Anda perlu mengisi borang permohonan yang menanyakan butir-butir peribadi dan perubatan anda, jenis polisi dan amaun perlindungan yang anda perlukan.

Pelepasan cukai pendapatan

Anda boleh menuntut pelepasan cukai terhadap premium yang anda bayar, tertakluk kepada terma dan syarat tertentu. Bagi polisi hayat biasa, amaun maksimum pelepasan ialah RM6,000 termasuk apa-apa sumbangan yang anda buat kepada skim manfaat persaraan yang diluluskan, seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim-skim pencen yang lain. Bagi polisi perubatan atau pendidikan, pelepasan cukainya ialah RM3,000 setahun.

Apakah polisi yang patut saya beli?

Anda mestilah memilih jenis polisi yang paling sesuai dengan kedudukan diri anda. Sekiranya anda masih muda dan ingin memastikan pasangan dan anak anda akan terbela jika anda tiba-tiba meninggal dunia, insurans bertempoh adalah paling sesuai. Sekiranya anda telah berumur dan mempunyai keluarga yang lebih mantap, jenis premium tetap dan polisi yang mengumpul nilai tunai adalah lebih sesuai.

Anda hendaklah memahami skop perlindungan yang diberikan di bawah polisi, terma dan syarat serta kos perlindungan insurans yang berbeagai. Anda juga harus mengetahui apa akan terjadi sekiranya anda ingin beralih daripada satu syarikat insurans kepada syarikat insurans yang lain, atau sekiranya anda ingin berpindah daripada satu jenis polisi kepada polisi lain.

Jenis-jenis polisi yang asas adalah:

Insurans bertempoh – Polisi ini menawarkan perlindungan insurans untuk tempoh terhad sahaja. Wang manfaat dibayar hanya setelah kematian atau sekiranya anda mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal semasa dalam tempoh polisi.

Insurans hayat seumur hidup – Polisi ini menawarkan perlindungan sepanjang hayat dan premiumnya dibayar seumur hidup anda. Wang manfaatnya, termasuk apa-apa bonus, akan dibayar setelah kematian atau sekiranya anda mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal.

Insurans endowment – Polisi ini menggabungkan perlindungan dan tabungan. Wang manfaatnya akan dibayar pada akhir tempoh yang ditetapkan berikutan kematian atau jika anda mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal. Sekiranya anda masih hidup apabila polisi matang, anda akan mendapat wang berkenaan; jika sebaliknya, wang itu akan diberi kepada penama anda.

Insurans berkaitan pelaburan – Premium anda digunakan untuk membeli perlindungan insurans hayat dan unit saham di dalam dana yang diurus oleh syarikat insurans hayat. Harga unit tersebut adalah berasaskan prestasi pelaburan dana yang diuruskan. Manfaat yang dibayar

kepada anda atau penama anda bergantung kepada harga unit saham pada masa anda menyerahkan polisi atau apabila anda meninggal dunia.

Pelan anuiti hayat – Anuiti ialah satu siri bayaran yang dibuat kepada anda sehingga anda meninggal dunia. Terdapat dua jenis anuiti:

Anuiti serta-merta – bayarannya bermula dalam tempoh 12 bulan selepas anda membeli anuiti. Mereka yang hampir bersara atau telah bersara akan memilih anuiti jenis ini.

Anuiti tertunda – bayaran bermula lebih dari 12 bulan selepas anda membeli anuiti. Orang akan membeli anuiti jenis ini pada sepanjang tempoh mereka bekerja untuk menjadikannya pendapatan persaraan di kemudian hari.

Perlindungan/‘rider’ tambahan – ‘Rider’ ialah perlindungan tambahan yang dilampirkan bersama pelan insurans asas seperti endowment atau seumur hidup. Ia memberikan anda fleksibiliti untuk memenuhi keperluan individu anda, seperti perlindungan terhadap kemalangan, hilang upaya atau masuk hospital. Anda diperlukan membayar premium tambahan.

Pelan-pelan lain – Syarikat insurans hayat juga menawarkan pelan insurans perubatan dan kesihatan.

Insurans bertempoh gadai janji berkurangan (mortgage reducing term assurance - MRTA)
–

Apabila memohon pinjaman untuk membeli harta, pembiaya mungkin ingin mempertimbangkan pengambilan perlindungan insurans untuk melindungi apa-apa kejadian yang tidak diduga. Perlindungan insurans ini, yang biasanya dikenali sebagai polisi MRTA, akan melindungi bayaran balik pinjaman yang tertunggak dengan institusi kewangan sekiranya peminjam meninggal dunia lebih awal, hilang upaya atau sakit kritikal. Apabila berlaku perkara di luar dugaan seperti ini, syarikat insurans akan membayar kepada bank amaun pinjaman yang tertunggak dan kemudiannya bank akan menyerahkan hak milik harta berkenaan kepada empunya atau benefisiarinya.

Kebanyakan premium polisi MRTA dibayar secara premium tunggal ketika pinjaman dikeluarkan. Kadar premium biasanya bergantung kepada umur peminjam, terma pinjaman dan kadar faedah pinjaman. Sekiranya peminjam menjual rumah atau menyelesaikan hutang lebih awal, bank akan menyerahkan hak polisi MRTA kepada peminjam dan peminjam boleh memilih untuk meneruskan perlindungan insurans hayat tambahan atau menyerahkan polisi dan menerima nilai tunai.

Kepentingan pendedahan

Anda mestilah memberikan semua fakta dalam borang permohonan anda sepenuhnya dan secara jujur. Sekiranya ejen anda mengisikan borang permohonan untuk anda, baca dan fahamilah keperluan dalam borang tersebut dengan teliti sebelum anda menandatangani borang berkenaan. Jika tidak, polisi insurans hayat anda mungkin boleh terbatal.

Memahami peruntukan penting dalam kontrak polisi hayat

Premium – Ini adalah wang yang anda bayar kepada syarikat insurans hayat untuk perlindungan insurans. Anda boleh memilih kekerapan membayar premium – setahun sekali (tahunan), setiap enam bulan (setengah-tahunan), setiap tiga bulan (suku-tahunan) atau setiap bulan.

Polisi sertaan dan bukan-sertaan – Premium yang anda perlu bayar bagi polisi sertaan adalah lebih tinggi daripada polisi bukan-sertaan. Ini adalah kerana polisi sertaan membolehkan anda berkongsi keuntungan dengan syarikat insurans hayat, yang biasanya dibayar sebagai dividen atau bonus. Polisi bukan-sertaan tidak menawarkan manfaat ini.

Bonus – Ini adalah wang tambahan yang dibayar bersama-sama manfaat akhir polisi sertaan. Anda akan dibayar amaun tertentu bagi setiap RM1,000 nilai diinsuranskan di bawah polisi sertaan. Syarikat insurans boleh menambah atau mengurangkan amaun tersebut bergantung kepada keadaan ekonomi dan pulangan pelaburan.

Umur anda – Anda perlu menyatakan umur anda dengan tepat. Walaupun syarikat insurans mungkin tidak akan membatalkan polisi disebabkan matlumat umur yang tidak betul, manfaat polisi anda akan diselaraskan mengikut umur sebenar anda.

Nilai tunai/serahan – Apabila polisi anda telah berkuat kuasa selama beberapa tahun (biasanya minimum 3 tahun), ia memperolehi nilai tunai (juga dikenali sebagai nilai serahan). Ini ialah amaun tunai yang akan dibayar oleh syarikat insurans apabila anda membatalkan polisi anda. Anda akan rugi sekiranya menyerahkan polisi sebelum ia matang.

Pinjaman polisi – Pinjaman ini boleh diberikan selagi polisi anda mempunyai nilai tunai. Faedah akan dikenakan ke atas pinjaman sedemikian. Anda boleh membayar balik pinjaman tersebut mengikut kesesuaian anda – secara sekaligus atau ansuran atau tidak membayarnya. Selepas kematian atau kematangan polisi, mana-mana bahagian pinjaman yang belum berbayar, termasuk faedah, akan ditolak daripada wang polisi.

Tempoh tangguh – Ini adalah tempoh tambahan selepas tamat tarikh pembayaran premium. Tempoh tangguh bagi bayaran premium bulanan ialah 15 hari. Bagi bayaran premium secara setengah-tahunan atau tahunan, tempoh tangguhnya ialah 30 hari. Sekiranya premium masih tidak dibayar pada tempoh tangguh, polisi anda akan luput atau akan tertakluk kepada polisi berbayar berkurangan atau pinjaman premium automatik (seperti diterangkan berikut ini).

Berbayar berkurangan – Anda boleh berhenti membayar premium seterusnya selepas polisi anda mempunyai nilai tunai. Polisi itu akan terus berkuat kuasa tetapi nilai diinsuranskannya akan dikurangkan.

Pinjaman premium automatik – Sekiranya premium tidak dibayar pada tempoh tangguh, dan dengan syarat bahawa polisi anda mempunyai nilai tunai yang mencukupi, sesetengah syarikat insurans akan secara automatik memberikan pinjaman untuk pembayaran premium yang tertunggak. Faedah akan dikenakan ke atas amaun pinjaman premium yang tertunggak. Pinjaman premium automatik akan mengurangkan nilai tunai polisi anda.

Bunuh diri – Tiada sebarang bayaran akan dibuat kepada penama sekiranya kematian adalah disebabkan oleh membunuh diri dalam tempoh perlindungan, biasanya satu tahun seperti dinyatakan di dalam polisi.

Tidak boleh tanding – Syarikat insurans tidak boleh mempertikai kesahihan polisi yang telah berkuat kuasa selama 2 tahun. Sekiranya syarikat insurans enggan membayar tuntutan, ia mestilah membuktikan bahawa polisi berkenaan telah diperolehi melalui penipuan.

Tempoh membuat keputusan – Anda boleh membatalkan polisi insurans hayat anda dengan memulangkan polisi itu kepada syarikat insurans dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima dokumen polisi. Premium yang telah anda bayar (ditolak fi pemeriksaan perubahan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.

Pengembalian semula – Apabila polisi insurans hayat anda telah luput, anda boleh menghidupkan semula atau mengembalikannya semula supaya berkuat kuasa sepenuhnya dalam tempoh masa dan dengan syarat-syarat tertentu, seperti pengesahan tentang keadaan kesihatan anda pada masa pengembalian semula.

Penyerahan hak – Anda boleh memindahkan polisi insurans hayat anda kepada orang atau pertubuhan lain dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat insurans hayat anda.

Kerahsiaan maklumat – Semua maklumat peribadi anda, termasuk maklumat perubatan, adalah rahsia dan syarikat insurans hayat anda tidak sekali-kali dibenar mendedahkan maklumat berkenaan kepada pihak ketiga.

Membatalkan polisi anda

Membeli polisi insurans hayat adalah satu komitmen jangka panjang. Sekiranya anda membatalkan polisi anda, anda tidak akan mendapat balik jumlah amaun premium terkini yang anda telah bayar kerana nilai serahan (nilai polisi anda apabila ditamatkan) biasanya kurang daripada apa yang anda telah bayar. Sekiranya anda diminta membatalkan polisi anda atau dinasihati supaya membuat pinjaman ke atas polisi anda, dan kemudiannya diminta membeli polisi lain, bincanglah perkara ini terlebih dahulu dengan syarikat insurans hayat anda yang sekarang, sebelum mengambil sebarang tindakan.

- Adalah tidak menguntungkan sekiranya anda menggantikan sesuatu polisi kerana:
- Berkemungkinan besar anda terpaksa membayar premium yang lebih tinggi memandangkan anda telah semakin berumur.
- Nilai tunai anda akan meningkat secara perlahan kerana premium anda yang baru perlu membayar kos permulaan menanggung polisi insurans hayat kali kedua.
- Tempoh tidak boleh tanding selama dua tahun bermula sekali lagi. Begitu juga dengan klausa bunuh diri di mana polisi perlu bermula dari awal sekali lagi.
- Polisi yang sedia ada mungkin mempunyai peruntukan yang lebih baik daripada polisi baru, misalnya dalam bentuk opsyen penyelesaian tuntutan dan manfaat hilang upaya.
- Syarikat insurans hayat anda yang sedia ada boleh membuat perubahan yang anda kehendaki pada kos yang lebih rendah.

Mengundurkan tarikh

Ketika anda mengemukakan permohonan, anda boleh mengundurkan tarikh bermulanya polisi anda untuk tempoh tidak lebih dari 6 bulan, kecuali bagi polisi berkaitan pelaburan. Kelebihannya ialah anda akan membayar premium yang lebih rendah setimpal dengan umur yang lebih muda oleh kerana premium dikenakan berdasarkan tarikh yang diundur itu. Tetapi perlindungan insurans anda akan bermula dari tarikh penerimaan perlindungan atau bayaran premium bermula, mengikut mana yang lebih awal, dan bukan dari tarikh yang diundur.

Menasihati penama anda

- Beritahu penama anda tentang polisi insurans hayat anda, sebarang perubahan yang anda buat terhadap polisi tersebut dan tempat di mana dokumen berkenaan disimpan.
- Lantiklah penama kontingen (atau sekunder) sebagai ganti sekiranya penama utama meninggal dunia lebih dahulu daripada anda.
- Pastikan syarikat insurans hayat anda menyimpan alamat penama anda dan syarikat diberitahu tentang pertukaran alamat penama.

Perkara yang diperlu diingat

Buatlah catatan tentang tarikh premium perlu dibayar. Sekiranya premium tidak dibayar mengikut tarikhnya, polisi insurans hayat anda mungkin akan luput.

Pastikan anda sentiasa meminta resit sebagai bukti bayaran. Ini akan membantu penyiasatan sekiranya ejen anda gagal menyampaikan premium itu kepada syarikat insurans.

Pastikan umur anda yang tercatat di dalam borang permohonan adalah tepat. Sekiranya berlaku kematian dan umur anda telah tidak dinyatakan dengan betul, syarikat insurans hayat akan hanya membayar amaun yang berpatutan dengan jumlah premium yang telah dibayar untuk umur yang betul.

Sentiasalah menyemak semula keperluan insurans anda untuk memastikan keperluan itu dilindungi secukupnya oleh polisi yang sedia ada

Oleh kerana dokumen polisi adalah dokumen yang sah di sisi undang-undang, ia hendaklah disimpan dengan selamat sehinggalah wang polisi insurans hayat diterima daripada syarikat insurans.

Salinkan maklumat asas seperti nama syarikat insurans, jenis polisi, nombor polisi dan nama penama dan simpan maklumat itu di tempat lain.

Bertanyalah kepada syarikat insurans hayat anda sekiranya mempunyai kemusykilan tentang apa-apa perkara berkaitan polisi insurans hayat anda.

Bagaimana membuat aduan dan saluran penyelesaian yang ada

- Sekiranya anda mempunyai aduan tentang produk atau perkhidmatan syarikat insurans anda atau anda tidak berpuas hati dengan penolakan atau tawaran penyelesaian tuntutan, anda hendaklah terlebih dahulu cuba menyelesaikan aduan tersebut dengan Unit Aduan syarikat insurans berkenaan.
- Sekiranya anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat, anda boleh menulis sama ada kepada Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau atau FMB) atau Bank Negara Malaysia yang akan mengendalikan aduan anda secara percuma. Anda boleh merujuk kepada pegawai di Unit Aduan syarikat insurans yang berkaitan tentang saluran yang betul untuk mengendalikan aduan anda.
- Sekiranya anda ingin mengemukakan aduan kepada FMB, aduan itu hendaklah dikemukakan dalam tempoh enam bulan dari tarikh keputusan muktamad syarikat insurans. FMB mengendalikan pertikaian antara pihak menuntut dengan syarikat insuransnya sendiri atau syarikat insurans pihak ketiga.
- FMB merupakan sebuah badan bebas yang menyediakan saluran yang cepat, mudah dan cekap bagi pengguna merujuk aduan atau pertikaian untuk penyelesaian sebagai alternatif kepada mahkamah.
- Walau bagaimanapun, FMB tidak mengendalikan pertikaian yang melibatkan harga produk insurans dan isu pengunderaitan, kes penipuan dan kes yang telah atau sedang dirujuk di mahkamah.
 - o Selain itu, aduan yang dirujuk kepada FMB adalah terhad kepada:-
 - o RM200,000 bagi polisi insurans motor dan kebakaran.
 - o RM100,000 bagi polisi insurans yang lain.
 - o RM5,000 bagi tuntutan kerosakan harta pihak ketiga.

- Bagi kes yang bukan di bawah bidang kuasa FMB, anda boleh mengemukakan aduan tersebut kepada Bank Negara Malaysia.

Maklumat terperinci tentang cara membuat aduan boleh didapati dalam buku kecil bertajuk "Asas-asas Insurans dan Takaful" atau dengan mengakses laman web FMB di www.fmb.org.my.